



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 16 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	TAKTIK PENIPUAN SEMAKIN BERKEMBANG, LICIK, REMAJA JADI SASARAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252733/taktik-penipuan-semakin-berkembang-licik-remaja-jadi-sasaran	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SERANGAN SEKSUAL TERHADAP 6 PELAJAR, GURU DIPENJARA 15 TAHUN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1433715/serangan-seksual-terhadap-6-pelajar-guru-dipenjara-15-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/15/gangguan-seksual-rayuan-guru-ditolak-dan-diperintah-jalani-hukuman-penjara-15-tahun	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	'TOKWAN' TAK MENGAKU ROGOL CUCU SAUDARA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252540/tokwan-tak-mengaku-rogol-cucu-saudara	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/15/warga-emas-didakwa-rogol-cucu-saudara	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/743586/berita/semasa/warga-emas-tidak-mengaku-rogol-cucu-saudara	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1433582/duda-kematian-isteri-didakwa-rogol-cucu-saudara	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/08/15/pesara-kerani-sekolah-mengaku-tidak-bersalah-rogol-cucu-saudara/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://onetiger.com/duda-didakwa-rogol-cucu-saudara-mengaku-tidak-bersalah/	ONETIGER.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/pesara-kerani-sekolah-mengaku-tidak-bersalah-rogol-cucu-saudara/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/15/lelaki-warga-emas-mengaku-tidak-bersalah-rogol-cucu-saudara/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/111603/elderly-school-clerk-denies-rape-of-great-niece-bail-set-at-rm12000	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PEMBANTU KEDAI MAKAN DITUDUH ROGOL REMAJA USIA 14 TAHUN		NEGATIF
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1433563/pe-
mbantu-kedai-makan-dituduh-rogol-remaja-usia-14-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1433563/pe- mbantu-kedai-makan-dituduh-rogol-remaja-usia-14-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/743575/berita/semasa/
pembantu-kedai-makan-didakwa-rogol-remaja-14-tahun">https://www.sinarharian.com.my/article/743575/berita/semasa/ pembantu-kedai-makan-didakwa-rogol-remaja-14-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252517/pem-
bantu-kedai-makan-dituduh-rogol-rakan-perempuan-bawah-
umur">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252517/pem- bantu-kedai-makan-dituduh-rogol-rakan-perempuan-bawah- umur	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/pembantu-
kedai-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/pembantu- kedai-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur/	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pembantu-kedai-
makan-mengaku-tidak-bersalah-rogol-rakan-perempuan-bawah-
umur/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pembantu-kedai- makan-mengaku-tidak-bersalah-rogol-rakan-perempuan-bawah- umur/	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/08/15/pembantu-kedai-
makan-tidak-mengaku-bersalah-rogol-remaja-14-tahun/">https://www.tvsarawak.my/2025/08/15/pembantu-kedai- makan-tidak-mengaku-bersalah-rogol-remaja-14-tahun/	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/08/15/pembantu-kedai-
makan-tak-mengaku-salah-rogol-rakan/">https://malaysiagazette.com/2025/08/15/pembantu-kedai- makan-tak-mengaku-salah-rogol-rakan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Taktik penipuan semakin berkembang, licik, remaja jadi sasaran

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Sindiket penipuan di Malaysia kini menggunakan media sosial dan kecerdasan buatan (AI) untuk melaksanakan taktik baharu yang menggabungkan eksploitasi seksual kanak-kanak, peras ugut dan penjualan kandungan haram dengan menjadikan remaja sebagai sasaran utama.

Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) Siraj Jalil berkata, taktik penipuan telah berkembang secara drastik dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, daripada taktik lama seperti penipuan Macau, cinta dan penghantaran bungkusan kepada penipuan kompleks yang menggabungkan pelbagai modus operandi dalam satu kes.

"Kes penipuan yang kami pernah terima adalah apabila scammer (penipu) menggabungkan tiga jenis jenayah siber dan menyasarkan remaja sebagai mangsa, bermula dengan tawaran perkhidmatan 'sugar mummy' di platform seperti TikTok untuk menarik mangsa.

"Setelah mangsa menerima tawaran itu, mereka akan diminta berkongsi kandungan peribadi yang dikategorikan sebagai Bahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak (C-SET) sebelum diperas ugut untuk membayar wang tebusan bernilai ribuan ringgit jika tidak mahu kandungan tersebut tersebar," kata Siraj semasa menjadi tetamu di Bernama Radio di sini hari ini.

Beliau berkata, walaupun wang tebusan dibayar, sindiket tetap menjual bahan kompromi tersebut di platform sembang seperti Telegram kepada komuniti pedofilia.

Siraj turut memberi amaran mengenai risiko baharu kepada peniaga media sosial yang boleh menjadi mangsa tuduhan sebagai penipu akibat manipulasi sindiket.

"Sebagai contoh, scammer meniru iklan peniaga sah untuk memperdayakan pembeli. Setelah memperoleh maklumat peribadi pembeli, mereka menggunakannya pula untuk menipu peniaga berkenaan.

"Apabila pembeli selesai membuat pembayaran, peniaga yang tidak mengesyaki apa-apa akan menghantar barang kepada scammer. Akibatnya, pembeli yang rasa tertipu membuat laporan polis dan akaun peniaga (sebenar) dibekukan kerana disyaki sebagai scammer," jelasnya.

Beliau berkata, penipuan moden kini semakin canggih dengan penggunaan AI untuk mencipta kandungan palsu yang kelihatan sah serta eksploitasi data peribadi yang bocor daripada syarikat teknologi besar seperti Meta selain menggunakan teknik kejuruteraan sosial untuk mengkaji tingkah laku mangsa.

Bagi menangani ancaman itu, Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) telah dinaik taraf untuk beroperasi 24 jam dengan skop kerja meliputi pelbagai jenayah siber.

Siraj menekankan peranan penting ibu bapa dalam memantau aktiviti dalam talian anak-anak dan meningkatkan literasi digital. Beliau juga menggesa kerajaan menyediakan modul pendidikan AI untuk awam.

Orang ramai yang menghadapi isu jenayah siber boleh mendapatkan bantuan menerusi laman web MCCA di cyberconsumer.my.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Serangan seksual terhadap 6 pelajar, guru dipenjara 15 tahun

Oleh Mohd Roji Kawi - Ogos 15, 2025 @ 7:51pm



- Foto hiasan mahkamah

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak rayuan seorang guru kaunseling sekolah berasrama penuh yang disabitkan kesalahan melakukan serangan seksual terhadap enam pelajar lelaki, tiga tahun lalu.

Tertuduh berusia 35 tahun diperintahkan menjalani hukuman penjara yang dikenakan ke atasnya berjalan serentak selama 15 tahun.

Tertuduh sebelum ini dijatuhi hukuman penjara 90 tahun selepas didapati bersalah terhadap enam pertuduhan serangan seksual, dengan setiap pertuduhan dikenakan hukuman penjara 15 tahun.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Faridz Gohim Abdullah, membuat keputusan itu selepas menolak rayuan tertuduh untuk mengetepikan sabitan dan hukuman yang diputuskan Mahkamah Sesyen pada 21 Oktober 2022.

Bagaimanapun, mahkamah mengekalkan hukuman 24 sebatan seperti yang diperintahkan sebelum ini.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tertuduh melakukan perbuatan itu terhadap mangsa berusia antara 14 hingga 16 tahun pada tarikh dan masa berasingan antara jam 11.30 malam hingga 4 pagi pada Mac, April dan Mei 2018 di kawasan sekolah tempatnya mengajar.

Laporan polis dibuat oleh semua mangsa selepas kejadian dan siasatan mendapati beberapa daripada mereka diserang lebih dari sekali.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Tokwan' tak mengaku rogol cucu saudara

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my



DUDA kematian isteri (baju oren) berdepan pertuduhan merogol cucu saudara di Mahkamah Sesyen, Butterworth. FOTO Nur Izzati Mohamad

Butterworth: Seorang duda kematian isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas pertuduhan merogol cucu saudaranya antara tahun 2022 hingga 2023.

Tertuduh, Sabri Saidin, 67 yang juga pesara kerani sekolah mohon kesnya dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan terhadapnya dihadapan Hakim Nor Azah Kasran.

Mengikut pertuduhan, bapa empat anak itu didakwa merogol seorang kanak-kanak perempuan yang ketika itu berusia sembilan tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Permatang Kerai Besar, Kepala Batas di sini, antara 2022 hingga 2023.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun, serta sebatan, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Rifaie Mohamed Riyaludin manakala tertuduh diwakili Yazid Khairul Azman dan Ismat Arif Abu Hassan.

Semasa prosiding, Muhammad Rifaie tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap warga emas terabit dengan mengambil kira hubungan tertuduh sebagai datuk saudara mangsa selain kediaman mereka berhampiran sekali gus boleh menimbulkan risiko gangguan terhadap mangsa.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon supaya anak guamnya dibenarkan ikat jamin dengan alasan tertuduh mempunyai masalah kesihatan, selain memerlukan rawatan berkala di hospital termasuk berdepan masalah pendengaran.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin, selain mengenakan syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melapor diri di balai polis setiap bulan dan tidak mengganggu mangsa termasuk saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Kes akan disebut semula pada 24 September depan bagi mendapatkan laporan perubatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pembantu kedai makan dituduh rogol remaja usia 14 tahun

Nur Izzati Mohamad - Ogos 15, 2025 @ 1:03pm



Yusri Hafiez Yahya dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth merogol rakan perempuannya berusia 14 tahun. - NSTP/Nur Izzati Mohamad.

BUTTERWORTH: Pembantu kedai makan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini hari ini atas pertuduhan merogol rakan perempuannya berusia 14 tahun, awal bulan ini.

Yusri Hafiez Yahya, 22, didakwa di hadapan Hakim Nor Azah Kasran mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara antara 10 hingga 30 tahun serta sebatan jika sabit kesalahan.

Lelaki berkenaan dituduh merogol seorang remaja perempuan berusia 14 tahun dalam bilik di sebuah rumah di Bandar Putra Bertam di Kepala Batas, dekat sini pada jam 2 pagi 1 Ogos lalu.

Yusri Hafiez yang tidak diwakili peguam bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Rifaie Mohamed tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh, namun mencadangkan RM12,000 jika ikat jamin dibenarkan mahkamah.

Pihak pendakwaan juga memohon tertuduh dikenakan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran serta tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Tertuduh dalam rayuannya memaklumkan dia yang bekerja sebagai pembantu kedai berpendapatan RM1,500 sebulan dan menanggung ibu dan bapa.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM9,000 dengan seorang penjamin dan mematuhi semua syarat tambahan ditetapkan pihak pendakwaan sebelum menetapkan 24 September bagi mendapatkan laporan perubatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JAWATANKUASA KHAS TANGANI ISU BULI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 OGOS 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Jawatankuasa khas tangani isu buli

Johor Bahru: Kerajaan Johor menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menangani isu buli di sekolah yang semakin membimbangkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Johor, Aznan Tamin berkata, jawatankuasa khas berkenaan yang akan bertindak sebagai platform penyelarasan bagi sekolah, ibu bapa, komuniti, agensi keselamatan dan pihak berkuasa.

Katanya, Kerajaan Johor memandang serius isu buli di kalangan pelajar yang disifatkan sebagai

amat membimbangkan.

“Isu buli di sekolah bukan sahaja menjejaskan emosi dan keselamatan murid, malah mampu mengganggu perkembangan akademik serta masa depan mereka.

“Bagi memastikan isu ini dapat dibendung sebelum ia menjadi lebih parah, Kerajaan Johor melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama erat agensi dan jabatan berkaitan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang akan bertindak sebagai platform penyelarasan bagi semua pihak,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : COURT UPHOLDS CONVICTION OF TEACHER WHO SEXUALLY ASSAULTED SIX BOYS

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 OGOS 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Court upholds conviction of teacher who sexually assaulted six boys

Desiree David

KUCHING: The High Court here has dismissed the appeal of a boarding school counselling teacher convicted of sexually assaulting six male students, but ordered his prison terms to run concurrently for a total of 15 years.

Judicial Commissioner Datuk Faridz Gohim Abdullah made the decision after dismissing the appeal of the 35-year-old appellant to set aside the sentence and conviction handed down by the Sessions Court on

Oct 21, 2022.

The original consecutive sentence against the 35-year-old appellant totalled 90 years, with each charge carrying 15 years' imprisonment.

However, the court upheld the 24 strokes of the cane imposed by the lower court.

All the six charges were framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, punishable under Section 14 of the same Act and read together with Section 16 of the same Act, which provides for a jail term of up to 20 years and possible caning upon conviction.

According to the facts of the case, between 11.30pm and 4am in March, April and May of 2018, the teacher sexually assaulted the students, aged between 14 and 16, at separate times and dates in the school compound.

He touched the victims' private parts and thighs, as well as hugged one of them.

Police reports were lodged by all the victims and investigations revealed that several of them had been assaulted on multiple occasions.

Deputy public prosecutor Nor Azhari Yusof appeared for the prosecution.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : GOVT ROLLS OUT UNIFORM BULLYING LAWS

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 OGOS 2025

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Govt rolls out uniform bullying laws

Cabinet enforces clear anti-bullying measures after Zara Qairina's death

By ARFA YUNUS
arfayunus@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The government is standardising the enforcement of Sections 507B to 507G of the Penal Code to make clear to all quarters that bullying is a crime, says Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil (*pic*).

He said the move is part of efforts to enforce newly amended anti-bullying laws and reflects Putrajaya's zero-tolerance stance on abuse.

The matter was discussed at yesterday's Cabinet meeting, chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, following the high-profile death of a 13-year-



old boarding school student in Sabah.

"The Prime Minister conveyed a firm view that the government will not allow such bullying

behaviour to persist.

"Among the measures being coordinated by ministers is the implementation of the amended provisions, which took effect in July, and define bullying, including cyberbullying, as a criminal offence.

"We want to ensure all ministries, especially those managing educational institutions, such as boarding schools, understand and follow through with enforcement," Fahmi told reporters after attending the 20th Civil Service Premier Assembly here yesterday.

The Penal Code (Amendment) Act 2025 and the Criminal Procedure Code (Amendment)

Act 2025, aimed at tackling bullying more effectively, were passed in the Dewan Rakyat on Dec 10 and in the Dewan Negara on Dec 16 last year.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail is also expected to address several cases in his ministerial statement in the Dewan Rakyat on Monday, including the death of Form One student Zara Qairina Mahathir and the attack on the son of former economy minister Datuk Seri Rafizi Ramli.

Zara Qairina was found unconscious near her dormitory at SMKA Tun Datu Mustapha in Papar, Sabah, on July 16 and died the next day at Queen Elizabeth

Hospital in Kota Kinabalu.

Although police initially classified the case as sudden death, public concern over possible bullying prompted the Attorney General's Chambers to order an exhumation and inquest.

Investigations are ongoing, with Bukit Aman's Integrity and Standards Compliance Department also looking into possible procedural lapses by police and school supervisors.

In the separate incident, Rafizi said two men on a motorcycle tailed his wife's car before one attacked his son with a syringe at a shopping mall in Putrajaya.

He said he believes the attack was premeditated.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	STRENGTHENING MEASURES AGAINST CHILD SEXUAL CRIMES		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	16 OGOS 2025	M/SURAT :	15
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Strengthening measures against child sexual crimes

ON Aug 11 during Bernama TV's "Apa Khabar Malaysia" programme, Thiyagu Ganesan, deputy director-general (Law Reform) of the Legal Affairs Division, Prime Minister's Department, outlined a series of measures to protect children from sexual crimes through legislative improvements and more comprehensive implementation strategies. These reforms reflect Parliament's growing recognition that child protection must keep pace with the realities of the digital age.

Recent legal milestones are notable. In 2023, the Sexual Offences Against Children Act 2017 (Act 792) underwent substantive amendments, including replacing the outdated term "child pornography" with the more accurate "child sexual abuse material", and introducing offences such as live-streaming of sexual crimes and sexual extortion.

The amendments also mandate compensation for victims, signal-

ling a deeper acknowledgement of the enduring harm these crimes inflict.

The Online Safety Act 2025 is another significant step. It places a legal duty on digital platforms to swiftly remove child sexual abuse content and requires them to embed the "safety-by-design" principle into their operations.

Amendments to the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 have further reinforced oversight by appointing a full-time Children's Commissioner and additional commissioners dedicated to monitoring and advising on child protection policies.

Implementation has also strengthened. The number of special courts to handle sexual crimes against children has expanded to 81 nationwide, and mobile child-friendly courts have also been introduced. These mobile units, equipped with dedicated child witness rooms, travel to the children's location, sparing

them the distress of formal courtroom settings. Specialised training for prosecutors, judges and lawyers has also been rolled out.

Section 19 of the Sexual Offences Against Children Act imposes a legal obligation on all individuals to report suspected cases of child sexual crimes.

These measures are commendable, but their effectiveness depends on sustained public awareness and community trust. Many are not aware of their legal duty to report under Section 19, hence public awareness campaigns must be continuous and accessible.

There is also a need to address prevention alongside prosecution. Legal protections should be complemented by digital literacy programmes that train children, teenagers and guardians to recognise grooming behaviours, resist exploitation attempts and to seek help promptly.

Parliament's legislative actions lay a solid foundation, but pre-

ventive education can reduce the need for legal redress in the first place.

Moreover, the inherently cross-border nature of online exploitation demands stronger international collaboration. Child sexual abuse material often transcends jurisdictions, hence perpetrators may exploit legal gaps in the absence of coordinated global enforcement and shared technological solutions.

Child protection is a legal, moral and societal imperative. Legislative change must be matched by cultural and institutional commitment, ensuring that protection mechanisms are not merely codified in statute but also actively enforced and lived out in practice.

The ultimate measure of success will be whether these reforms can prevent harm before it occurs.

LIEW LI XUAN
Kulai, Johor

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : GOVT URGED TO TAKE CONCRETE ACTION AGAINST BULLYING

HARI : SABTU

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 16 OGOS 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Govt urged to take **concrete action** against bullying

➤ Urgent need to introduce specific legislation to protect vulnerable individuals and stem growing menace, says NGO

■ BY MAHADHIR MONIHULDIN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: An NGO is calling for the government to take proactive measures to address the issue of bullying and enact an anti-bullying law.

Gerakan Gubal Akta Anti-Buli (GAB) chairman Wan Azliana Wan Adnan said: "We sent a memorandum and a report about bullying back in 2022 and we were called by the Education Ministry to discuss the issue. We also had an MoU with universities but because

of a lack of funding, all our efforts had to stop."

Wan Azliana said this is why GAB is urging the government to introduce an anti-bullying law.

"The government needs to take action now before more bullying cases happen."

She said according to Education Ministry statistics, bullying cases in schools continue to show an upward trend each year.

In 2022, a total of 7,360 bullying cases were reported among secondary school students. This number increased by 20% to 8,820 cases in 2023 and as of October

2024, 5,703 cases were recorded, involving 11,594 students.

The reported cases involved either physical bullying such as pushing or hitting, and threatening or verbal bullying, which includes insults, use of abusive language and mocking in front of peers.

Wan Azliana said the phenomenon of cyberbullying has also become increasingly complex and difficult to control as students use social media platforms such as WhatsApp, Instagram and TikTok to spread hate messages, embarrassing images or videos of bullying incidents.

A 2023 study by the Malaysian Communications and Multimedia Commission revealed that one in three secondary school students had experienced cyberbullying but more than half of them did not report the incidents due to fear of

retaliation or a lack of trust in the school system.

"We urge the government to promptly enact an anti-bullying law as an umbrella law that covers all forms of bullying – physical, verbal, cyber, mental and any form of harassment.

"This Act must provide a clear definition of bullying and outline the rights and responsibilities of all parties involved, including institutional administrators, perpetrators and victims."

She said the Act's aim should not only be to educate and prevent bullying but also to ensure that justice is served, voices of the victims are heard and confidence in the legal system is strengthened.

Wan Azliana also said GAB would be starting a petition drive to gather support from the public for the introduction of the Act.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ATUK DIDAKWA NODA CUCU SAUDARA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 OGOS 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Butterworth: Seorang duda kematian isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol cucu saudaranya antara tahun 2022 hingga 2023.

Tertuduh, Sabri Saidin, 67, yang juga pesara kerani sekolah mohon kesnya dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Nor Azah Kasran.

Mengikut pertuduhan, bapa empat anak itu didakwa merogol seorang kanak-kanak perempuan yang ketika itu berusia sembilan tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Permatang Kerai Besar, Kepala Batas di sini, antara 2022 hingga 2023.

Pendakwaan dikemuka-

kan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun serta sebatan, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Rifaie Mohamed Riyaludin manakala tertuduh diwakili Yazid Khairul Azman dan Ismat Arif Abu Hassan.

Ketika prosiding, Muhammad Rifaie tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap warga emas terbabit dengan mengambil kira hubungan tertuduh sebagai datuk saudara mangsa selain kediaman mereka berhampiran, sekali gus boleh menimbul-

Atuk didakwa noda cucu saudara



DUDA kematian isteri (baju oren) yang berdepan pertuduhan merogol cucu saudara didakwa di Mahkamah Sesyen, Butterworth. - Gambar NSTP/NUR IZZATI MOHAMAD

kan risiko gangguan terhadap mangsa.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon anak guamnya dibenarkan ikat jamin dengan alasan tertuduh mempunyai masalah kesihatan selain memerlukan rawatan berkala di hospital termasuk berdepan masalah pendengaran.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin, selain mengenakan syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melapor diri di balai polis setiap bulan dan tidak mengganggu mangsa termasuk saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Kes akan disebut semula pada 24 September depan bagi mendapatkan laporan perubatan.